

BERITA HARIAN

DATE: 3/7 / 2008

Ghapur cadang Dr M didakwa

BH - 3/7/2008

AHLI Parlimen Kalabakan, Datuk Seri Abdul Ghapur Salleh mencadangkan kerajaan supaya menghadapkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke mahkamah bagi mengetahui kebenaran dakwaan berlaku ketidakadilan dalam sistem kehakiman negara ketika pemerintahannya.

Katanya, terlalu banyak diperkatakan mengenai sistem kehakiman sejak era pemerintahan Dr Mahathir sehingga menyebabkan keputusan mahkamah diragui rakyat dan pihak asing.

"Kita bawa ke mahkamah supaya Tun dapat menyuarakan apa yang sebenarnya berlaku pada masa pemerintahannya. Kita tidak mahu lagi berlaku tuduh menuduh antara kerajaan, sistem kehakiman dan Tun mengenai perkara ini sehingga mengelirukan rakyat.

"Ia juga tidak baik kepada orang (Tun) yang berjasa kepada

negara selama 22 tahun, dituduh macam-macam, biar dia kemuka apa bukti yang ada, saya rasa dia juga rela berbuat demikian," katanya ketika membahas usul Kajian Separuh Penggal RMK-9 di Dewan Rakyat semalam.

Abdul Ghapur juga menyifatkan peruntukan tambahan sebanyak RM30 bilion bagi untuk kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai usaha mengaburi mata rakyat kerana manfaatnya tidak dinikmati secara terus kepada golongan sasaran.

Katanya, peruntukan itu sedekar dapat menampung kos kenaikan harga barang binaan ditanggung kontraktor berikutan kenaikan harga besi dan keluli 40 hingga 50 peratus berbanding ketika kontrak ditandatangani.

"Peruntukan tambahan itu hanya mengaburi mata rakyat, sebab tidak ada projek baru yang dibanggakan akan dibina," katanya.